

RENUNGAN KED BULAN JULAI 2017
TEMA UTAMA : MENJADI MURID-MURID HARAPAN

Fokus : Untuk menolong kita memahami ketika Firman Tuhan datang kedalam kehidupan kita, dan memberikan penerangan ke dalam batin kita.

“Penjelasan ajaran-Mu memberikan cahaya, memberikan pengertian kepada orang jahil”
(Mazmur 119:130)

Lagu Pembukaan :

SABDAKAN TUHAN

- | | |
|--|---|
| 1. Sabdakan Tuhan, firman-Mu padaku
Firman-Mu pelita hidupku
Hancurkan TUHAN, kelalaian hidupku
Menerima berita firman-Mu | 2. Hanyalah Tuhan, ku yakin janji-Mu
Keselamatan hidupku pada-Mu
Hanyalah Tuhan, ku yakin janji-Mu
Keselamatan hidupku pada-Mu |
|--|---|

**Hanyalah Tuhan, pancaran hidupku
Firman-Mu suci , merobah hidupku
Firman-Mu Tuhan, firman yang hidup
Firman-Mu Tuhan, firman yang hidup**

**Hanyalah Tuhan, pancaran hidupku
Firman-Mu suci , merobah hidupku
Firman-Mu Tuhan, firman yang hidup
Firman-Mu Tuhan, firman yang hidup**

Doa Pembukaan : Menjemput seorang ahli KED untuk mengucapkan Doa Pembukaan.

DIALOG

Kehidupan Augustinus sebagai seorang lelaki muda yang memiliki ciri – ciri kehidupan yang bebas lepas dan yang sedang mencari jawapan kepada soalan-soalan asas kehidupan. Pada tahun 386, Augustinus menghabiskan masa di Milan, dia mendengar suara seorang kanak-kanak yang sedang menyanyi lagu, dengan lirik lagunya " Kutip dan baca ". Dia berfikir pada mulanya bahawa lagu itu mempunyai kaitan dengan beberapa jenis permainan kanak-kanak, tetapi dia merasa tidak pernah mendengar lagu itu sebelumnya.



Kemudian, ia menyedari bahawa lagu ini mungkin satu perintah dari Allah untuk membuka dan membaca kitab-kitab, dia menemukannya di Alkitab, mengutipnya, membukanya dan membaca petikan ayat pertama yang dilihatnya. Ia adalah dari surat Rasul Paulus kepada orang-orang di Roma. Augustinus membaca:

Janganlah ikut pesta liar atau mabuk.

Janganlah berkelakuan lucah atau tidak senonoh.

Janganlah berkelahi ataupun iri hati.

Tetapi biarlah Tuhan Yesus Kristus menjadi pelindung kamu.

Janganlah turuti tabiat manusia berdosa untuk memuaskan hawa nafsu.

(Roma 13: 13-14).

Dengan membaca ayat-ayat suci ini, Augustinus merasakan hatinya dipenuhi dengan penerangan. Dia mengalami perubahan sepenuhnya dalam hidup dosanya. Dia di baptis pada Malam Paska 24 April 387. Kemudian Sto. Augustinus menulis doa yang terkenal atas pengalaman hidupnya.

“O Allah yang benar, izinkan aku menerima kebahagiaan di syurga, yang Engkau janjikan sehingga kebahagiaanku menjadi sempurna.”

Dia menjadi seorang yang berpengaruh besar di dalam Teologi Gereja Kristian.

Pertanyaan – pertanyaan untuk dikongsi:

1. Bolehkah anda berkongsi dengan pengalaman yang serupa di atas; bagaimana Firman Tuhan telah menerangi kehidupan anda dan memberikan harapan baru ?
2. Kongsi juga bagaimana anda membaca Kitab Suci dan mengkongsikannya kepada sesama di dalam kehidupan seharian anda?

PENDALAMAN

Yohanes 15:1-8

“Yesus berkata lagi, “ Aku pokok anggur yang sejati, dan Bapa-Ku peladang anggur. Setiap carang-Ku yang tidak berbuah dikerat oleh-Nya, dan setiap carang yang berbuah dipangkas oleh-Nya supaya bersih dan berbuah lebih lebat. Kamu sudah dibersihkan oleh ajaran yang Aku ajarkan kepada kamu . Tetaplah bersatu dengan Aku dan Aku pun akan tetap bersatu dengan kamu. Carang sendiri tidak dapat berbuah , kecuali tetap pada pokoknya. Demikian juga kamu; kamu hanya dapat berbuah, jika kamu tetap bersatu dengan Aku. Akulah pokok anggur dan kamu carang-carangnya . Sesiapa yang tetap bersatu dengan Aku , dan Aku dengan dia, berbuah lebat ; kerana tanpa Aku, kamu tidak dapat berbuat apa-apa. Sesiapa yang tidak tetap bersatu dengan Aku , akan dikerat seperti carang lalu menjadi kering. Carang-carang seperti itu akan dikumpulkan lalu dibuang ke dalam api dan dibakar. Jika kamu tetap bersatu dengan Aku, dan ajaran-Ku kamu simpan di dalam hati , mintalah apa sahaja yang kamu kehendaki daripada Bapa, dan permintaan kamu itu akan dipenuhi. Kemuliaan Bapa-Ku dinyatakan apabila kamu berbuah lebat, dan dengan demikian kamu betul-betul pengikut-Ku.”

Renungan.

1. Kita baca teks di atas sebanyak tiga kali.
2. Kita kutip kata-kata atau ayat-ayat daripada teks. Suarakan dengan kuat dengan sikap berdoa sebanyak tiga kali dan berhenti seketika diantaranya .
3. Kita ambil masa sebanyak tiga menit dalam kesunyian untuk mendengarkan Firman yang Tuhan ingin suarakan kepada kita di dalam hati kita.
4. Sesiapa yang berkeinginan untuk berkongsi kata-kata / ayat yang telah menyentuh anda.
5. Pilih sebuah ‘ Firman Kehidupan ’ dari teks Kitab Suci untuk kumpulan kita.

TINDAKAN

Sebagai seorang individu , sebagai seorang ahli dalam keluarga dan sebagai seorang ahli KED juga sebagai Komuniti di dalam Gereja , kita dipanggil untuk membaca, bermeditasi, memiliki pengalaman dan berkongsi Firman Tuhan yang memberikan penerangan kepada kita semua.

Cadang dengan cara yang kreatif dan mudah bagaimana kita dapat menyelamatkan hidup ini dan membuat perubahan dalam kehidupan di dunia yang dapat menerangi dan mengubah kita serta menjadi saksi yang efektif bagi harapan kepada sesama yang hidup di sekeliling kita.

Doa Penutup: Menjemput ahli KED lainnya untuk mengucapkan Doa Penutup.

Lagu Penutup:

BERITAKAN

Mari kawan – kawan

Kita pergi bersama

Ke s'uruh dunia

Menyampaikan berita

Bah'wa Allah mengasihi

Seluruh dunia

Dan menyediakan kita

Kehi....dupan kekal.

Ingatlah janji-Nya

Ia menyertai kita

Sehati majulah

Dan khabarkan injil-Nya

Bah'wa hanya dalam Kristus

Ada pengampunan

Yang percaya

Kepada-Nya

Tak a....kan bi....nasa.

Sambutlah temanku

Damai yang t'lah ku t'rima

Harap pada Tuhan

Di mana pun kau ada

Ku serukan dalam dunia

Ku mau orang tahu

Tuhan datang kepadaku

Ingin ku sam.....paikan.